

SULIT **ANGKA GILIRAN:** _____



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JTP501 – Etika Perniagaan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH DUA (22)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Soalan ini terbahagi kepada 2 bahagian. Jawab **SEMUA** soalan **Bahagian A** di atas **borang OMR**. Jawab **Bahagian B** di ruang yang disediakan dalam **kertas soalan ini**.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll]. Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

...2/-

SULIT

BAHAGIAN A [60 markah]

Jawab SEMUA soalan.

1. Hellreigal dan Slocum (1992) mentakrifkan pengajian etika berasaskan empat elemen dan salah satu elemen tersebut ialah peraturan atau undang-undang yang digunakan untuk mentafsir sama ada perlakuan itu _____.
 - A. betul atau salah
 - B. fakta atau kepercayaan
 - C. benar atau palsu
 - D. baik atau jahat

2. Siapakah yang telah mendefinisikan pengajian etika sebagai satu pengajian mengenai hak dan kesan, tentang siapa yang mendapat faedah atau bencana dari sesuatu tindakan?
 - A. Hellreigal dan Slocum
 - B. Solomon
 - C. DeGeorge
 - D. Stoner, Freeman & Gilbert

3. Tahap dua dalam Teori Kohlberg (1973) menyatakan bahawa tahap instrumental dengan insan berorientasikan ganjaran. Apakah yang dimaksudkan dengan teori ini?
 - A. Apabila kita melakukan kesalahan, kita akan ditegur atau dihukum.
 - B. Tindak tanduk mereka akan dipengaruhi oleh norma-norma kehidupan.
 - C. Undang-undang adalah langkah terbaik menghukum insan.
 - D. Apabila kanak-kanak melakukan kebaikan atau perkara yang betul, mereka akan dipuji.

4. Tujuan perniagaan mengaplikasikan nilai etika dalam perniagaan ialah untuk _____.
 - A. menjana keuntungan yang banyak
 - B. memastikan perniagaan beroperasi selama-lamanya
 - C. mengekalkan imbalan keuntungan dan keperluan masyarakat
 - D. memastikan syarikat tidak didenda kerana melanggar undang-undang

5. Tujuan penting pengurus perlu mempelajari dan memahami konsep etika adalah _____.
- A. konsep ini menumpukan kepada keputusan melakukan perkara yang menyumbang ke arah kesejahteraan alam, hidup bermasyarakat dan kebudayaan
 - B. konsep ini menumpukan kepada keputusan melakukan perkara yang menyumbang ke arah kesejahteraan manusia, autonomi bermasyarakat dan kebebasan diri
 - C. konsep ini menumpukan kepada keputusan melakukan perkara yang menyumbang ke arah kesejahteraan manusia dan masyarakat yang bebas
 - D. konsep ini menumpukan kepada keputusan melakukan perkara yang menyumbang ke arah kesejahteraan manusia dan jati diri
6. Etika merangkumi nilai-nilai hidup bermasyarakat lebih daripada apa yang ditentukan oleh pemerintah melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan sesebuah negara. Apakah perkara penting yang diutamakan oleh etika?
- A. Etika menyebabkan undang-undang mudah dilaksanakan.
 - B. Etika lebih ditakuti serta dihormati oleh masyarakat.
 - C. Etika menumpukan kepada nilai akhlak yang menjadi pedoman diri dan masyarakat .
 - D. Etika membebaskan diri daripada cengkaman undang-undang dan peraturan.
7. Secara khusus, tugas atau peranan seorang pengurus terhadap isu etika ialah _____.
- A. menyasiat punca dan melaporkannya
 - B. mengenal pasti masalah etika dan mencari jalan penyelesaiannya
 - C. membuat peraturan dan menghukum
 - D. menerima kod etika dan melaksanakannya
8. Pengurus dianggap tidak beretika dan gagal memimpin sekiranya _____.
- A. tidak memimpin pekerja mencapai matlamat organisasi dan tidak menjaga kebajikan pekerja
 - B. tidak membuat peraturan dan tidak menjatuhkan hukuman kepada pesalah
 - C. tidak jujur dan menyeleweng harta syarikat
 - D. tidak melaksanakan amanah majikan serta tidak mempunyai hubungan yang baik dengan pekerja

9. Semua perkara di bawah patut dilakukan oleh entiti perniagaan **KEQUALI** _____.
- A. menangani isu etika
 - B. mengaplikasi falsafah moral
 - C. membangunkan program pengurusan etika
 - D. mempunyai badan pemantau bebas
10. Terdapat beberapa kategori isu etika seperti di bawah **KEQUALI** _____.
- A. konflik kepentingan
 - B. kejujuran dan keadilan
 - C. keuntungan dan kelestarian
 - D. komunikasi
11. Konflik akan timbul apabila nilai yang dipegang oleh seseorang individu itu _____.
- A. bercanggah dengan visi dan misi perniagaan berkaitan etika
 - B. bercanggah pendapat dengan pengurus yang beretika
 - C. bercanggah dengan peraturan dan polisi perniagaan berkaitan etika
 - D. bercanggah idea dengan pihak pengurusan berkaitan etika
12. Manakah antara berikut yang **BUKAN** konflik kepentingan diri?
- A. Melantik sub kontraktor dalam kalangan ahli keluarga.
 - B. Menerima rasuah bagi meluluskan projek.
 - C. Menggunakan kenderaan syarikat untuk kepentingan peribadi.
 - D. Membeli bahan mentah rendah kualiti daripada pembekal.
13. Amalan bercakap benar dan berlaku adil ialah berkaitan dengan isu _____.
- A. konflik kepentingan
 - B. kejujuran dan keadilan
 - C. keadilan dan kesaksamaan
 - D. komunikasi dan konflik
14. Ah Meng seorang yang amanah dengan tugasnya, beliau sentiasa mengikut arahan majikan dan mudah menolong rakan dalam kesusahan. Ini adalah Teori _____.
- A. Deontologi
 - B. Egologi
 - C. Teleologi
 - D. Kesaksamaan

15. Teori yang menyokong Deontologi ialah _____.
- A. Teleologi
 - B. Egologi
 - C. Utilitarianisme
 - D. Kantianisme
16. Teori Kantianisme menekankan kepada elemen _____.
- A. tugas, amanah dan keadilan
 - B. tugas, kewajipan dan tanggungjawab
 - C. amanah, keluhuran dan kebebasan
 - D. kesetaraan, keharmonian dan tanggungjawab
17. Sofian seorang yang sangat jujur, amanah, menyimpan rahsia dan sentiasa adil kepada pekerja. Beliau dikatakan beretika menurut Teori _____.
- A. Keadilan Agihan
 - B. Hukum Abadi
 - C. Nilai-nilai Murni
 - D. Perspektif Perbandingan
18. Menurut Teori _____, telah wujud dalam diri setiap individu satu standard moral. Pembentukan peribadi telah bermula sejak kecil hingga dewasa, dan amalan harian inilah membentuk standard moral tertentu.
- A. Keadilan Agihan
 - B. Hukum Abadi
 - C. Nilai-nilai Murni
 - D. Perspektif Perbandingan
19. Tan Sri Zul telah mempromosi hari tanpa beg plastik di semua kampus USM, beliau dikatakan beretika berdasarkan Teori _____.
- A. Universalisme
 - B. Hukum Abadi
 - C. Nilai-nilai Murni
 - D. Perspektif Perbandingan
20. Di Malaysia, kita bebas memilih agama, pendidikan dan bersuara, ini sejajar dengan Teori _____.
- A. Keadilan Agihan
 - B. Hukum Abadi
 - C. Nilai-nilai Murni
 - D. Kebebasan Diri

21. Menganiyai orang lain adalah salah dari segi undang-undang dan perbuatan ini tidak beretika. Ini berdasarkan Teori _____.
- A. Keadilan Agihan
 - B. Hukum Abadi
 - C. Nilai-nilai Murni
 - D. Perspektif Perbandingan
22. "Ethos" dari segi bahasa membawa maksud perangai, _____ dan _____.
- A. keperibadian ; kehormatan
 - B. kejujuran ; keselamatan
 - C. keperibadian ; adat
 - D. kejujuran ; adat
23. Etika berasal daripada perkataan "*Ethos*". Perkataan "*Ethos*" berasal daripada _____.
- A. Greek
 - B. Phytogaras
 - C. Yunani
 - D. Rom
24. Solomon (1984) mengembangkan konsep etika dengan merujuk **DUA (2)** perkara asas iaitu hasil dari pelakuan individu dan _____.
- A. peraturan alam
 - B. peraturan sosial
 - C. kontrak alam
 - D. kontrak sosial
25. Apakah yang dimaksudkan dengan Beneficence?
- A. Memastikan agihan barangan berlaku secara adil.
 - B. Membaiki keadaan diri berkaitan dengan nilai dan kebijaksanaan.
 - C. Melakukan apa sahaja yang mampu untuk membaiki keadaan insan lain.
 - D. Menurut perintah yang dikeluarkan oleh majikan.

26. Mengelakkan kecederaan terhadap insan lain dikenali sebagai _____.
- A. *nonmaleficence*
 - B. perbaikan diri
 - C. *beneficence*
 - D. kesetiaan
27. Apakah yang dimaksudkan dengan *goodwill*?
- A. Tindakan yang dilaksanakan semata-mata atas dasar prinsip dan kewajipan sebagai seorang insan.
 - B. Tindakan yang dilaksanakan semata-mata atas dasar undang-undang dan kewajipan sebagai seorang insan.
 - C. Tindakan yang dilaksanakan semata-mata atas dasar budaya dan kewajipan sebagai seorang insan.
 - D. Tindakan yang dilaksanakan semata-mata atas dasar prinsip dan kewajipan sebagai majikan.
28. Kita harus bercakap benar walaupun kita dalam kesusahan, kerana bercakap benar itu kewajipan yang tidak boleh disangkal. Perbuatan ini bersesuaian dengan falsafah _____.
- A. teleologi
 - B. deontologi
 - C. malafide
 - D. keabadian
29. Konsep *Universal* menyatakan pembakaran terbuka jerami padi oleh pesawah adalah salah kerana pencemaran udara, walaupun perkara itu perlu untuk penanaman semula. Ini adalah kerana _____.
- A. kepentingan alam sekitar mustahak
 - B. kepentingan masyarakat dan manusia sejagat lebih penting
 - C. masyarakat tidak dapat menerima pencemaran udara
 - D. undang-undang tidak membenarkan
30. Perbuatan pekerja menerima hadiah sempena perayaan tertentu daripada pembekal telah menjadi perkara kebiasaan bagi Syarikat Tini. Perbuatan menerima hadiah daripada pembekal dianggap tidak salah daripada perspektif moral kerana ia dilakukan oleh semua pekerja. Falsafah ini bersesuaian dengan Perspektif _____.
- A. Keadilan sejagat
 - B. Perbandingan (*relativist*)
 - C. Keadilan agihan (*distributive justice*)
 - D. Hukum abadi (*eternal law*)

31. Ali sentiasa diajar bahawa menghormati orang tua adalah satu kemestian, beliau sentiasa menolong orang tua melintas jalan atau menaiki tangga. Falsafah ini bersesuaian dengan perspektif _____.
- A. Keadilan sejagat
 - B. Perbandingan (*relativist*)
 - C. Keadilan agihan (*distributive justice*)
 - D. Hukum abadi (*eternal law*)
32. Pencemaran udara seperti pembakaran terbuka adalah satu kesalahan kerana ia boleh menyebabkan jerebu dan sebagainya. Falsafah ini bersesuaian dengan perspektif _____.
- A. Keadilan sejagat
 - B. Perbandingan (*relativist*)
 - C. Keadilan agihan (*distributive justice*)
 - D. Hukum abadi (*eternal law*)
33. Thamby dan Muthu telah bekerja di kilang yang sama dan umur mereka berdua adalah sama, namun gaji mereka berbeza kerana kelayakan yang berbeza. Mereka merasakan pemberian gaji mereka adalah berpatutan dan adil. Falsafah ini bersesuaian dengan perspektif _____.
- A. Keadilan sejagat
 - B. Perbandingan (*relativist*)
 - C. Keadilan agihan (*distributive justice*)
 - D. Hukum abadi (*eternal law*)
34. Perniagaan mestilah berasaskan untung, jika untung maka perniagaan dapat membayar cukai dan cukai ini boleh digunakan untuk membantu masyarakat. Maka dengan itu perniagaan telah dikatakan menjalankan tanggungjawab sosial. Siapakah yang berpendapat begini?
- A. Ahli perniagaan klasikal
 - B. Ahli ekonomi klasikal
 - C. Ahli politik klasikal
 - D. Ahli perundangan klasikal
35. Jika perniagaan hanya berasaskan keuntungan dan membayar cukai, apakah kesan kepada negara?
- A. Pekerja meminta gaji tinggi bagi menampung perbelanjaan harian.
 - B. Kemiskinan, pengangguran dan pencemaran alam sekitar.
 - C. Syarikat menjadi penyumbang dana kepada kerajaan.
 - D. Negara menjadi lebih maju dan tidak mempunyai masalah pengangguran.

36. Frederick et al. (1992) menyenaraikan empat prinsip berkenaan tanggungjawab sosial. Manakah antara berikut **BUKAN** daripada prinsip beliau?
- A. Perniagaan adalah sebahagian masyarakat.
 - B. Perniagaan mempunyai sumber untuk menyelesaikan masalah.
 - C. Perniagaan perlu mewujudkan persekitaran masyarakat yang kondusif.
 - D. Perniagaan perlu membayar cukai yang berpatutan kepada kerajaan.
37. Jika perniagaan mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada pekerja maka _____.
- A. pekerja menjadi sihat dan ceria untuk bekerja
 - B. pekerja memperolehi gaji yang banyak dan dapat membayar cukai
 - C. keuntungan jangka panjang akan diperolehi
 - D. keuntungan jangka pendek dijangka berlipat kali ganda
38. Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan sumber penting yang dimiliki syarikat untuk menyelesaikan masalah-masalah kompleks berkaitan tanggungjawab sosial?
- A. Kewangan
 - B. Pengurusan
 - C. Teknikal
 - D. Perakaunan
39. Manakah antara berikut **BUKAN** aspek suasana etika dalam organisasi?
- A. Persekitaran organisasi
 - B. Kerangka pembuatan keputusan
 - C. Keadilan dan agihan sama rata
 - D. Kesan interaksi dan konflik dalaman
40. Biasanya pendedahan dalaman (*whistle blowing*) berlaku kerana firma gagal memenuhi tuntutan tanggungjawab sosial. Suasana ini dipengaruhi oleh _____.
- A. Persekitaran organisasi
 - B. Kerangka pembuatan keputusan
 - C. Keadilan dan agihan sama rata
 - D. Kesan interaksi dan konflik dalaman

41. Semua entiti di bawah mempunyai tuntutan tertentu terhadap syarikat **KECUALI** _____.
- A. pembekal
 - B. pemegang saham
 - C. peruncit
 - D. pesaing
42. Kerajaan perlukan perniagaan kerana sumber kewangan, perniagaan perlukan kerajaan untuk _____.
- A. menyediakan tempat perniagaan selamat
 - B. memberi pinjaman
 - C. menyediakan tenaga buruh
 - D. membantu kemajuan organisasi
43. Ketika kita kanak-kanak, kita dimarahi jika melakukan sesuatu perkara yang salah. Evolusi ini dikenali sebagai _____.
- A. Peringkat 1: hukuman dikenakan jika peraturan dilanggar
 - B. Peringkat 2: pematuhan memberi pulangan
 - C. Peringkat 3: kepentingan kumpulan lebih penting
 - D. Peringkat 4: kesedaran kepada nilai-nilai hidup
44. Chia membantu orang tua membawa barang kerana beliau yakin akan memperolehi upah. Evolusi ini dikenali sebagai _____.
- A. Peringkat 1: hukuman dikenakan jika peraturan dilanggar
 - B. Peringkat 2: pematuhan memberi pulangan
 - C. Peringkat 3: kepentingan kumpulan lebih penting
 - D. Peringkat 4: kesedaran kepada nilai-nilai hidup
45. Mustafa berasa susah hati kerana perbuatannya membakar sampah telah menyebabkan pencemaran alam sekitar. Evolusi ini dikenali sebagai _____.
- A. Peringkat 1: hukuman dikenakan jika peraturan dilanggar
 - B. Peringkat 2: pematuhan memberi pulangan
 - C. Peringkat 3: kepentingan kumpulan lebih penting
 - D. Peringkat 4: kesedaran kepada nilai-nilai hidup

46. Enam peringkat Kohlberg boleh diringkaskan menjadi tiga masa dalam kehidupan kita seperti dibawah **KECUALI** _____.
- A. kepentingan peribadi dan pengaruh imbuhan dan hukuman
 - B. jangkaan dan keperluan masyarakat menjadi pertimbangan utama
 - C. prinsip etika sejagat diterima pakai dan dijadikan panduan
 - D. kejujuran dan keadilan mesti dicapai pada tahap kemuncak
47. Faktor dorongan biasanya dipengaruhi oleh rakan pendorong (*significant others*) seperti di bawah **KECUALI** _____.
- A. rakan setugas
 - B. pegawai atasan
 - C. keluarga
 - D. pegawai bawahan
48. Apakah yang dikatakan struktur fizikal organisasi?
- A. Kepentingan insaniah
 - B. Kepentingan prestasi
 - C. Bersepadu
 - D. Kuasa penentu terletak kepada pengurusan atasan
49. Kuasa Individu boleh dipecahkan kepada dua iaitu kuasa posisi dan personaliti. Yang manakah kuasa posisi?
- A. Rujukan
 - B. Ganjaran
 - C. Keadilan
 - D. Ketabahan
50. Kajian barat menunjukkan _____ dan _____ adalah faktor utama pematuhan nilai etika.
- A. peraturan ; rakan sekerja
 - B. peraturan ; nilai diri
 - C. nilai diri ; rakan sekerja
 - D. nilai diri ; amanah
51. Kemuncak konflik etika bagi sesuatu organisasi ialah _____.
- A. mogok
 - B. berhenti kerja
 - C. memecat pekerja
 - D. pendedahan dalaman (*whistle blowing*)

52. Intensiti terhadap isu etika sebenarnya dipengaruhi oleh perkara di bawah **KECUALI** _____.
- A. persepsi seseorang individu
 - B. persepsi kelompok
 - C. persepsi organisasi
 - D. persepsi kerajaan
53. Budaya korporat boleh ditakrifkan sebagai suatu perunggu nilai, kepercayaan dan _____.
- A. sasaran sosial
 - B. sasaran kehidupan
 - C. sasaran keuntungan
 - D. sasaran pelanggan
54. Kuasa pembuatan keputusan diserahkan kepada peringkat bawahan dan struktur ini lebih anjal serta mudah untuk pemimpin bawahan bertindak balas. Ini adalah gambaran gaya kepimpinan _____.
- A. sentralisasi
 - B. desentralisasi
 - C. demokrasi
 - D. berhemah
55. Falsafah entiti perniagaan biasanya dibangunkan oleh pengasas, namun untuk semua anggota menghayati dan mengamalkannya maka perkara seperti di bawah dicadangkan; _____.
- A. visi, misi dan matlamat dibangunkan bersama oleh pekerja
 - B. pelaksanaan falsafah mesti diselia oleh pekerja
 - C. hukuman mestilah dijatuhkan oleh pekerja
 - D. gaji dan peluang kenaikan pangkat ditentukan oleh pekerja
56. Membimbing, membantu dan menyalur nasihat secara formal atau tidak formal kepada rakan pekerja dikenali sebagai _____.
- A. rakan sekerja
 - B. rakan sebaya
 - C. rakan pendorong
 - D. rakan sepermainan

57. Apakah perbuatan yang dikatakan cabaran salah laku aktif?
- A. Penyalahgunaan kuasa
 - B. Politik di tempat kerja
 - C. Gangguan seksual
 - D. Rasuah
58. Apakah perbuatan yang dikatakan cabaran salah laku pasif?
- A. Gangguan seksual
 - B. Rasuah
 - C. Persaingan
 - D. Pengiklanan
59. Ketiadaan sikap bertanggungjawab untuk bekerja boleh menyebabkan syarikat mengalami kerugian, ini adalah bentuk salah laku _____.
- A. pasif
 - B. aktif
 - C. *hyper*
 - D. pemalas
60. Politik dalam pejabat sangat mengusarkan banyak pihak, pekerja bawahan membodek pengurus tertentu bagi kepentingan peribadi, ini adalah bentuk salah laku _____.
- A. pasif
 - B. aktif
 - C. *hyper*
 - D. politiking

BAHAGIAN B [40 markah]

Mariam, seorang graduan dari sebuah institut pengajian tinggi awam, telah dilantik sebagai pengurus di sebuah perbadanan utama. Setelah menjalani program latihan pengurusan korporat dalam kumpulananya selama beberapa minggu, Mariam berasa seronok bekerja di situ. Walau bagaimanapun, Mariam merupakan seorang wanita orang kurang upaya (OKU). Dia kerap berasa terpinggir kerana tidak ada pengurus wanita orang kurang upaya lain di tempat kerjanya. Pada suatu hari, semasa menghadiri jamuan makan tengahari di tempat kerjanya, Mariam telah mendengar perbualan di antara dua rakan sekerja lelaki dan penyelia mereka. Mereka mengadu kepadanya tentang kekurangan kelayakan Mariam dan keperibadiannya yang tidak menyenangkan. Mereka mempertikaikan pelantikan Mariam. Mariam berasa sangat kecewa dan ingin meletak jawatan.

- (a). Perlukah Mariam meletak jawatan? Mengapa? (6 markah)
- (b). Terangkan bentuk salah laku etika yang terlibat dalam senario di atas. (6 markah)
- (c). Bayangkan anda berada di pihak atasan dalam perbadanan tersebut. Bincangkan **EMPAT (4)** perspektif yang boleh digunakan dalam menangani kemelut salah laku etika di atas. (28 markah)

